



Keunikan Tradisi

Baba Nyonya

"Warisan Baba
Nyonya: Keunikan
Budaya, Perpaduan
Tradisi."

Pengenalan



Malaysia adalah negara yang terkenal dengan kepelbagaian kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, serta kaum-kaum dari Sabah dan Sarawak. Di Melaka, terdapat masyarakat minoriti yang di kenali sebagai Baba Nyonya, hasil asimilasi budaya antara kaum Cina dan masyarakat tempatan. Budaya Baba Nyonya yang unik terbentuk daripada gabungan adat dan tradisi pelbagai budaya di Melaka. Walaupun begitu, masih ramai yang tidak mengetahui dan sering menganggap masyarakat Baba Nyonya sebagai sebahagian daripada kaum Cina sahaja.

Asal Usul Peranakan Cina

Mereka adalah keturunan pedagang Hokkien dari China yang berhijrah ke Melaka 600 tahun lalu dan berkahwin dengan wanita tempatan. Perkahwinan campur ini melahirkan budaya unik yang menggabungkan tradisi Cina dan Melayu. Anak lelaki mereka disebut Baba, manakala anak perempuan dipanggil Nyonya.



Baba dan Nyonya iaitu keturunan pedagang Hokkien yang melahirkan budaya unik Cina-Melayu.

Bahasa Yang Digunakan

Masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka mahir berbahasa Melayu, kerana sejarah menunjukkan mereka mempunyai hubungan darah dengan keturunan Melayu. Bahasa Melayu digunakan dalam kehidupan harian mereka, namun mereka juga fasih berbahasa Hokkien.

Bahasa Melayu	Bahasa Baba
saya	goa
anda	lu
dia	i
kita	wa lang
kakak	ta chi
ayah	tia
suami kakak	chau
teko	tekuan
sudu sup	tang chi
cerek	teko
sumpit	sepit (penyepit)
mengukus	tim
tokong	bio
membakar paku	

Pakaian Tradisional

Pakaian tradisional masyarakat Baba Nyonya mirip dengan pakaian kaum Melayu, seperti kebaya pendek dan kain sarung bagi wanita muda, serta baju panjang bagi wanita tua. Kebaya mereka sering dihias corak flora dan fauna, dipadankan dengan aksesori seperti kerongsang dan kasut manik. Lelaki pula berpakaian ringkas atau memakai pakaian Cina seperti samfoo untuk majlis tertentu. Dari segi kerohanian dan keagamaan, mereka banyak berkongsi persamaan dengan keturunan Cina.

FAKTA:

- Baju Kebaya melambangkan kecantikan serta mengekalkan warisan budaya yang kaya.
- Samfoo diperbuat daripada kain satin dengan tekstur yang lembut.
- Kasut manik Baba Nyonya buatan tangan yang unik dan mempunyai corak yang menarik serta menggunakan manik import.




Makanan Tradisional

Hidangan istimewa:

- **Ayam pongteh:** Ianya dimasak dengan kacang soya, kentang, kicap, dan gula Melaka.
- **Itik Tim:** Hidangan sup itik bersama sayuran seperti sawi, tomato, cendawan cina, kubis, cili dan buah pala.
- **Inchi Kabin:** Ayam diperap bersama lima jenis rempah, akar ketumbar dan santan.

Hidangan Istimewa



Ayam Pongteh



Itik Tim



Inchi Kabin

Kuih-muih



Onde-onde



Ang Ku Kuih

Kuih-muih:

- **Onde-onde:** Kuih ini diperbuat daripada tepung pulut, gula Melaka dan kelapa.
- **Ang Ku Kuih:** Ianya dibuat dari tepung pulut, inti kacang dan dimasak dengan mengukukus.

Adat Perkahwinan

Perkahwinan masyarakat Baba Nyonya berlangsung selama 12 hari dengan adat yang unik. Pada zaman dahulu, ibu bapa memilih jodoh dengan bermula pihak lelaki merisik dan membuat jemputan melalui "anteh sireh" yang berisi kacang, limau, dan sirih. Setelah itu, mereka membuat persiapan menukar langsir, cadar baru, dan mewangikan bilik pengantin dengan setanggi serta potpuri. Kain merah dan tanglung digantung sebagai simbol kebaikan. Pada hari kedua belas, mereka mengadakan upacara "Khuih Thiah" untuk membuat sambal dan makan sambal tersebut bersama nasi lemak.

Pengantin lelaki dijemput makan malam di rumah pengantin perempuan (Chia Lang Khek), tetapi mereka tidak bertemu hingga upacara Chim Pang. Selepas bertemu, upacara Choon Tok diadakan sebagai suami isteri. Pada hari kedua belas, nasi lemak dan sambal disajikan kepada tetamu dan kedua-dua keluarga makan bersama untuk mengeratkan hubungan. Masyarakat Baba Nyonya juga membenarkan pilihan etnik jika ibu bapa berkahwin berlainan etnik.



Seni Muzik

Masyarakat Baba Nyonya menjadikan budaya Melayu, khususnya Dondang Sayang sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Biasanya Dondang Sayang dilagukan dalam upacara tertentu atau bila diperlukan. Namun, bagi generasi kini, muzik tradisional seperti pantun atau keroncong yang pernah popular dalam kalangan mereka dahulu kini semakin kurang diminati.



Baba Nyonya sangat mahir berperibahasa dan berpantun.



Tarian Tradisional

Joget Trila Lila hanya ditarikan oleh wanita yang dikenali sebagai 'Nyonya', dengan kumpulan terdiri daripada enam hingga lapan orang. Lagu yang digunakan berentak rancak, berbeza daripada lagu keroncong yang biasa didengari dalam budaya ini. Walaupun berentak cepat, pergerakannya tetap mengekalkan kesopanan dan kesantunan wanita dalam masyarakat Baba Nyonya. Dalam persembahan, alatan yang digunakan disebut 'bimpo', iaitu sapu tangan yang diperbuat daripada kain organza dan diikat di hujung jari untuk mengelakkan ia tercicir ketika menari.



Aspek Kesenian

Kesenian dalam budaya Baba Nyonya banyak mengambil inspirasi daripada motif tradisional negara China. Walau bagaimanapun, pengaruh Melayu dan unsur Islam turut jelas terlihat dalam corak-coraknya.



Bakul Siah

Bakul siah ialah bakul tradisional Melayu Melaka dan Nyonya, diperbuat daripada rotan, buluh, atau kayu, serta dihias warna merah hitam dengan motif emas melambangkan kemakmuran. Kini, ia digunakan dalam majlis seperti perkahwinan atau kenduri untuk menyimpan buah, kuih, dodol, atau produk tradisional Melaka.




Porselin

Porselin atau seramik merupakan peralatan unik yang digunakan oleh masyarakat Baba Nyonya di Tanah Melayu, dihasilkan di daerah Jiangxi dan Guangdong, China. Motif pada seramik ini merangkumi lukisan burung phoenix, bunga dahlia, bunga mawar serta memaparkan lukisan atau corak yang bermotif simbol-simbol sambutan perayaan, kesejahteraan perkahwinan dan panjang umur.



Dulang Teh Tembikar

Dulang teh tembikar "berenamel" merupakan peralatan khas yang berwarna-warni yang dihiasi ukiran burung cenderawasih gaya Peranakan untuk digunakan ketika upacara minum teh pada hari perkahwinan.



Kesimpulan

Masyarakat Baba dan Nyonya masih teguh mengamalkan cara hidup dan budaya Melayu yang unik, hasil daripada percampuran budaya Melayu dan Cina. Walaupun budaya mereka semakin pudar, terutama di kalangan generasi muda, mereka tetap berusaha mempertahankan tradisi yang telah diwarisi. Masyarakat ini dikenali dengan keunikan pakaian tradisional, adat, dan masakan yang mencerminkan perpaduan budaya antara kaum Melayu dan Cina. Namun, era moden dan perubahan sosial turut memberi impak kepada pelestarian budaya mereka. Oleh itu, penting untuk memelihara dan memperkukuh budaya masyarakat Baba Nyonya agar generasi akan datang dapat mengenali dan menghayati keunikan warisan ini.



Sumber:

- <https://www.scribd.com/doc/234554700/K-eunikan-Masyarakat-Baba-Dan-Nyonya>
- anyflip.com/mwoxx/ikpv/basic
- <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/91911/1/91911.pdf>
- https://fliphtml5.com/fdrae/xtxm/BABA_NYONYA_%28Assignment_2%29/

Terima Kasih!

